



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA (YANG DIWAKILI OLEH JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA) DAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

DOSM dan SKM Perkukuh Kerjasama Memperkasakan Perangkaan Sektor Koperasi Melalui Memorandum Persefahaman

KUALA LUMPUR, 2 Disember 2025 – YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan YBrs. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif mewakili Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) hari ini memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam perkongsian data, penyelidikan perangkaan, pembangunan modal insan serta khidmat rundingan berkaitan statistik sektor koperasi. Majlis menandatangani MoU ini telah berlangsung di Dewan Perdana, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kuala Lumpur.

Memorandum Persefahaman (MoU) ini dimeterai bagi mengukuhkan kerjasama strategik antara DOSM dan SKM melalui empat teras utama. Pertama, kedua-dua pihak akan melaksanakan perkongsian data yang merangkumi pertukaran data koperasi serta data ekonomi berkaitan, selaras dengan kehendak Akta Perangkaan 1965 dan Akta SKM 2007. Usaha ini bertujuan memastikan penghasilan statistik koperasi yang lebih tepat, holistik dan berintegriti.

Kedua, MoU ini turut memberi penekanan kepada penyelidikan dan pemurnian data melalui kajian bersama bagi menambah baik konsep, takrif serta klasifikasi data. Semakan berkala terhadap elemen data juga akan dilaksanakan supaya selaras dengan piawaian antarabangsa seperti *International Standard Industrial Classification* (ISIC).

Teras ketiga melibatkan pembangunan modal insan, termasuk penyediaan latihan, taklimat serta pertukaran pegawai antara DOSM dan SKM untuk meningkatkan kemahiran analitik dan keupayaan penyebaran statistik.

MoU ini turut menumpukan kepada penyelarasan klasifikasi koperasi kepada Malaysia *Standard Industrial Classification* (MSIC). Penjajaran ini memastikan aktiviti koperasi dapat dipadankan secara tepat dengan standard nasional dan antarabangsa, sekali gus membolehkan statistik koperasi digandingkan secara lebih berkesan dengan statistik negara dan global.

Sorotan Kepentingan Memorandum Persefahaman ini

MoU ini memainkan peranan penting dalam memperkukuh ekosistem data koperasi negara. Melalui kerjasama ini, analisis yang lebih tepat mengenai sumbangan sektor koperasi kepada ekonomi negara dapat dilaksanakan. Inisiatif ini juga menyokong pelaksanaan agenda TransKoM 2021–2025 terutamanya dalam aspek penjajaran dan pengurusan data koperasi.

Selain itu, MoU ini membantu mengurangkan ketidaksepadanan klasifikasi antara SKM dan sistem statistik negara, sekali gus meningkatkan keseragaman data. Penggunaan piawaian seperti *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) dan *International Standard Industrial Classification* (ISIC) turut mempertingkatkan integriti serta kebolehbandingan data koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

Manfaat Utama Kerjasama DOSM–SKM Dalam Memorandum Persefahaman ini

Melalui pelaksanaan MoU ini, kualiti data koperasi akan dipertingkatkan menerusi penyelarasan takrif, klasifikasi dan keseragaman data dengan sistem statistik negara. Usaha ini membolehkan analisis yang lebih tepat mengenai sumbangan sektor koperasi kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), khususnya melalui penggunaan piawaian MSIC dan ISIC. Selain itu, ia turut memperkukuh perancangan dasar serta pembangunan koperasi berasaskan data yang sahih dan berpaksikan bukti (*evidence-based*).

MoU ini juga akan meningkatkan ketelusan serta kebolehbandingan statistik koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. Pada masa yang sama, pembangunan kapasiti pegawai melalui pertukaran pegawai, latihan serta penyelidikan bersama dijangka dapat mempertingkatkan tahap profesionalisme dalam pengurusan dan analisis data koperasi.

Secara keseluruhan, MoU ini dijangka mengukuhkan lagi kedudukan sektor koperasi sebagai penyumbang signifikan kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
2 DISEMBER 2025**

Lampiran:

DATA PERANGKAAAN KOPERASI (sehingga 31 Disember 2024)

BIL	FUNGSI	BIL. KOPERASI	KEANGGOTAAN	SYER & YURAN (RM JUTA)	ASET (RM JUTA)	PEROLEHAN (RM JUTA)
1	KREDIT	554	1,165,477	7,061.08	16,714.91	6,065.23
2	PEMBINAAN	268	94,012	44.56	130.14	92.05
3	PENGANGKUTAN	464	129,826	86.08	393.80	774.88
4	PENGGUNA	5,626	2,671,777	960.16	2,957.56	2,222.48
5	PERBANKAN	2	889,227	4,606.77	135,463.12	53,561.73
6	PERINDUSTRIAN	339	18,227	18.12	104.84	36.27
7	PERKHIDMATAN	4,935	1,481,307	4,611.16	12,380.52	3,587.30
8	PERTANIAN	3,787	630,766	788.05	4,073.84	1,689.57
9	PERUMAHAN	309	126,560	150.94	1,131.06	153.87
	JUMLAH	16,284	7,207,179	18,326.91	173,349.79	68,183.37

Jumlah koperasi berdaftar: 16,284

Jumlah keanggotaan: 7.2 juta orang

Jumlah Syer dan Yuran: RM18.3 billion

Jumlah asset: RM173.3

Jumlah perolehan: RM68.18 bilion

Mengikut fungsi (bilangan):

- Pengguna – 5,626
- Perkhidmatan – 4,935
- Pertanian – 3,787
- Kredit – 554
- Pengangkutan – 464
- Perindustrian – 339
- Perumahan – 309
- Pembinaan – 264
- Perbankan – 2

Perolehan tertinggi:

- Perbankan – RM53.56 bilion
- Kredit – RM6.07 bilion
- Perkhidmatan – RM3.6 bilion